



Perpustakaan
Tun Abdul Razak

ISSN : 2289-9537

IQORA

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

www.facebook.com/library.uitm www.instagram.com/ptaruitm perpustakaanuitm.blogspot.my



MS 03

Bengkel Perancangan Strategik
Perpustakaan UiTM 2020-2025

MS 04

Bicara Pakar Kesihatan oleh Pengarah Pusat
Kesihatan UiTM secara Siaran Langsung

MS 09

Majlis Sanjungan Budi
Ketua Timbalan Pustakawan

MS 14

Program Pengantarabangsa dan
Khidmat Masyarakat, Semarang, Indonesia

MS 23

Program Blind Date With a
Book @PTAR Permatang Pauh

MS 24

Latihan Pangkalan Data Scopus

MS 28

Ruangan Rencana Khas :
Kelebihan Bismillah

MS 42

Lawatan Khas ke Istana Alam Shah, Klang

MS 51

Lawatan Delegasi dari Persatuan Pustakawan
Brunei Darul Salam @ PTAR Sarawak

PENYERTAAN PTAR DI SIMPOSIUM KECEMERLANGAN OPERASI UITM 2020 : 4 FEBRUARI 2020

Lokasi : Dewan Berlian, UITM Kampus Puncak Alam

Disediakan oleh : Mohd Ismail Bin Abidin



Perpustakaan Tun Abdul Razak telah menyertai Simposium Kecemerlangan Operasi UITM 2020 pada 4 Februari 2020 di Dewan Berlian UITM Puncak Alam. PTAR telah membawa projek kecemerlangan Operasi PTAR yang bertajuk :

- Proses Kutipan Hasil Denda Perpustakaan (Cashless)
- Sistem Pengurusan Kelas Kemahiran Maklumat (eKKM)

SEKITAR SESI PEMURNIAN KPI PERPUSTAKAAN UITM /JABATAN /BAHAGIAN : 14 FEBRUARI 2020

Lokasi : Bilik Seminar, PTAR



Semua pegawai kumpulan Pengurusan dan Professional dari Perpustakaan Tun Abdul Razak terlibat dengan Sesi Pemurnian KPI Perpustakaan UITM / Jabatan / Bahagian pada 14 Februari 2020. Sesi dikendalikan oleh Puan Aznur, Timbalan Ketua Pustakawan, Bahagian Perancangan Strategik dan Kualiti. Ts Noor Hidayat Bin Adnan, Ketua Pustakawan telah memberi maklumat halatuju baru Perpustakaan UITM bagi tahun 2020-2025.

BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK PERPUSTAKAAN UITM 2020-2025 : 18-20 FEBRUARI 2020

Lokasi : ILD, Bandar Enstek

Disediakan oleh : Mohd Ismail Bin Abidin



Seramai 96 pegawai kumpulan Pengurusan dan Professional terlibat dengan Bengkel Perancangan Strategik Perpustakaan UiTM 2020-25 pada 18-20 Februari 2020, di ILD Bandar Enstek. Ts Noor Hidayat Bin Adnan, Ketua Pustakawan telah memberi maklumat halatuju baru Perpustakaan UiTM bagi tahun 2020-2025. Hasil dari Bengkel, Sebanyak 2 KPI Perpustakaan dan 60 PI Perpustakaan telah berjaya dibangunkan dengan menyokong Teras Strategik UiTM.

SESI PERJUMPAAN KETUA PUSTAKAWAN BERSAMA STAF PELAKSANA : 24 FEBRUARI 2020

Lokasi : PTAR Shah Alam



Seramai 76 pelaksana terlibat dengan sesi perjumpaan bersama Ketua Pustakawan pada 24 Februari 2020, di Bilik Seminar Perpustakaan Tun Abdul Razak. Ts Noor Hidayat Bin Adnan, Ketua Pustakawan telah memberi kata-kata semangat dan motivasi kepada semua staf pelaksana dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan perpustakaan serta mutu kerja. Sesi dialog bersama staf pelaksana turut dilaksanakan bagi mengetahui maklumat-maklumat pening yang ingin disampaikan oleh staf pelaksana.

LIVE
STREAMING

**BICARA PAKAR KESIHATAN OLEH PENGARAH
PUSAT KESIHATAN UTM SECARA LIVE MENERUSI
FACEBOOK RASMI UTM DAN IGTV PTAR**

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin



Imbas untuk melihat
rakaman Bicara pakar



Perpustakaan Tun Abdul Razak UTM Shah Alam telah mengadakan program Siaran Langsung (Live@PTAR) iaitu Bicara Pakar Kesihatan oleh Pengarah Pusat Kesihatan UTM secara Live menerusi Facebook Rasmi UTM dan IGTV PTAR pada 13 Februari 2020 (Khamis)

Antara Antara perkongsian utama yang disampaikan oleh Dr Zaiton, Pengarah Pusat Kesihatan UTM adalah berkaitan Isu Coronavirus, Perkongsian data/infografik Coronavirus dan Tips pencegahan jangkitan Coronavirus. Bicara pakar kesihatan dikendalikan oleh En Muhamad Zaide Bardan, Pustakawan Kanan Program siaran langsung ini telah ditonton lebih dari 2300 pengguna maya dengan 34 perkongsian. Untuk melihat rakaman siaran langsung boleh layari :

:<https://web.facebook.com/uitmrasmivideos/206881213798463/>

LIBRARY Outreach

LIBRARY OUTREACH@PTAR, DI OFFICE OF
INTERNATIONAL AFFAIR (OIA)

Disediakan oleh : Mohd Ismail Bin Abidin



Library Outreach@PTAR, di Office of International Affair (OIA), telah diadakan pada 26 Februari 2020 Seminar Hall, OIA. Antara aktiviti menarik yang dijalankan semasa program Library Outreach di OIA adalah:

- Taklimat Perkhidmatan dan Kemudahan Perpustakaan disampaikan oleh Puan Eza Eliana, Pustakawan Kanan
- Taklimat Perpustakaan Digital disampaikan oleh Tn. Hj. Ahmad Faizar Jaafar
- Pameran Arkib & Rekod Universiti
- Program Book2U
- Program Free Book

LIBRARY Outreach

LIBRARY OUTREACH@PTAR, DI FAKULTI SENI LUKIS
DAN SENI REKA, UTM SHAH ALAM

Disediakan oleh : Mohd Ismail Bin Abidin



Library Outreach@PTAR, di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Shah Alam telah diadakan pada:

Tarikh :28 Februari 2020

Masa: 9.00 pagi - 12.30 tgh

Tempat :Auditorium Fakulti Seni Lukis Seni Reka, UiTM Shah Alam

Antara aktiviti menarik yang dijalankan semasa program Library Outreach di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka adalah:

- Taklimat Perkhidmatan dan Kemudahan Perpustakaan disampaikan oleh Puan Adlina Abdullah
- Taklimat Perpustakaan Digital disampaikan oleh Tn. Hj. Ahmad Faizar Jaifar
- Pameran Arkib & Rekod Universiti
- Program Book2U
- Program Free Book

LIBRARY Outreach

PROGRAM PEMANTAPAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN :
PROGRAM LIBRARY OUTREACH BERSAMA PENGURUSAN
AKADEMIK UITM CAWANGAN PULAU PINANG

Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam



Pada 26hb Februari 2020, PTAR Kampus Permatang Pauh telah menerima kunjungan daripada Encik Jamalludin Sulaiman dan Tn. Haji Ahmad Faizar Jaafar dalam sesi Jelajah mereka untuk Program Pemantapan Perkhidmatan Perpustakaan UITM.

Sesi taklimat bersama pengurusan akademik UITM Cawangan Pulau Pinang ini dihadiri oleh Ketua Pusat Pengajian dan Koordinator Program serta Timbalan Rektor HEA, Prof. Madya Ir. Dr Ahmad Rashidy Razali.

Taklimat dibahagikan kepada dua sesi seperti berikut :

- Pengenalan Program Pemantapan Perkhidmatan Perpustakaan : Program Library Outreach oleh Encik Jamalludin Sulaiman
- Taklimat Perpustakaan Digital Perpustakaan oleh Tn. Hj. Ahmad Faizar Jaafar

LIBRARY Outreach

PROGRAM PEMANTAPAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN :
PROGRAM LIBRARY OUTREACH BERSAMA STAF PTAR
KAMPUS PERMATANG PAUH

Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam



Pada 27hb Februari 2020, Encik Jamalludin Sulaiman dan Tn. Haji Ahmad Faizar Jaafar mengadakan sesi taklimat kepada staf PTAR Kampus Pematang Pauh berkenaan Pengenalan Program Pemantapan Perkhidmatan Perpustakaan ; Program Library Outreach dan taklimat Perpustakaan Digital Perpustakaan.

Ketika sesi berlangsung, Encik Jamalludin dan Tn Hj. Ahmad Faizar juga menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh staf yang hadir. Sesi jelajah ini diadakan untuk mendekatkan PTAR dengan pengguna selain daripada memberi tunjuk ajar dan mengadakan perbincangan tentang perkhidmatan dalam PTAR.

MAJLIS SANJUNGAN BUDI, PUAN FARIDAH TALIB : 14 FEBRUARI 2020

Lokasi : Bilik Seminar, PTAR UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam

Disediakan oleh : Nurul Diana Jasni



*Tuai padi tinggal jerami,
Mega petang amat redup,
Dunia persaraan puan alami,
Moga tenang nikmati hidup.*

*Perigi puan semak sivatan,
Ukur tali tampak serupa,
Pergi puan semarak ingatan,
Luhur budi tidak dilupa.*



Majlis ini adalah dianjurkan bertujuan untuk meraikan hari terakhir Puan Faridah Talib, Ketua Timbalan Pustakawan yang akan bersara wajib bermula 15 Februari 2020 selepas berkhidmat di Perpustakaan UiTM selama hampir 36 tahun. Majlis Sanjungan Budi ini telah dianjurkan oleh staf Perpustakaan Tun Abd Razak, UiTM Cawangan Selangor dengan dihadiri oleh Ahli Pengurusan Eksekutif kampus dan Dekan-dekan Fakulti. "Dalam ucapan penghargaan, Puan Faridah merakamkan ucapan terima kasih di atas penganjuran majlis ini serta mendoakan agar staf perpustakaan akan terus berkhidmat dengan amanah dan ikhlas dan sentiasa memelihara ukhuwah kasih dan sayang di antara staf".

Memetik ucapan Rektor UiTM Cawangan Selangor iaitu Yang Berbahagia Prof Dato' Dr Abu Bakar Abd Majeed, beliau merakamkan sekalung tahniah serta ucapan rasa penghargaan terima kasih kepada Puan Faridah Talib diatas komitmen yang telah diberi dalam menjayakan pelbagai aktiviti, dan program sepanjang berkhidmat di kampus ini semenjak Oktober 2015.

Perpustakaan UiTM Cawangan Selangor telah berjaya mengadakan pelbagai aktiviti dan program yang sangat bermanfaat terhadap pembangunan pelajar, pensyarah, penyelidik dan staf di kampus ini. Beliau turut berbangga dengan pelbagai kejayaan dan pencapaian yang telah dirangkul oleh Perpustakaan sepanjang diterajui Pn Faridah Talib sehingga berjaya memenangi Juara Kategori Kampus Cawangan bagi Anugerah Kualiti Naib Canselor 2019. Mewakili semua warga kerja Perpustakaan UiTM & UiTM Cawangan Selangor, kami mengucapkan selamat bersara dan semoga Puan Faridah sentiasa dirahmati Allah selalu dan gembira di samping keluarga tercinta.

"WHEEL OF BOOKS" (HARI BERTEMU PELANGGAN) : 24 FEBRUARI 2020

Lokasi : Bilik Seminar, PTAR UITM Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh

Disediakan oleh : Wan Rohani Wan Chin



Pada 24 Februari 2020, Isnin, 9.00 pagi hingga 4.00 petang pihak perpustakaan UITM Kampus Sungai Buloh telah terlibat didalam program Hari Bertemu Pelanggan 2020 ajuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej. Pihak perpustakaan telah mengadakan aktiviti permainan "Wheel of Books" untuk memberi pendedahan dan panduan kepada para pengunjung mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di dalam perpustakaan seperti pengenalan kepada *Endnote*, *Mendeley*, *Online Databases*, *Digital Services*, *OPAC*, *Searching Techniques*, *Online Book Recommendation*, *eBooks* dan sebagainya. Seramai 45 orang telah berkunjung ke Booth Perpustakaan dan setiap penyertaan dan kunjungan dinilai tahap pengetahuan sebelum dan selepas promosi. Pihak perpustakaan telah memenangi tempat ke-dua kategori Booth Terbaik.

LIBRARY INFO HUNT @ PTDI : 10 FEBRUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Tun Dr. Ismail, Kampus Segamat

Disediakan oleh : Siti Rozana Mat Sanat



Penyampaian Hadiah kepada para pemenang



Sesi: Taklimat mengenai Aktiviti Info Hunt



Aktiviti Info Hunt

Library Info Hunt telah berlangsung dengan jayanya di PTDI Kampus Segamat pada 10 Februari 2020. Aktiviti ini begitu meriah dengan kehadiran seramai 198 orang pelajar interim. Usaha ini dilihat dapat menarik minat pelajar baharu untuk mendalami lebih lanjut berkaitan fungsi dan peranan perpustakaan di sesebuah institusi. Aktiviti Info Hunt dilaksanakan dengan pelbagai pengisian berkaitan perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di PTDI.

Para pelajar telah diberikan tugas dimana mereka perlu berkunjung ke PTDI 2, bagi menjawab beberapa soalan mengenai, bayaran denda, EQPS, laporan kehilangan buku, koleksi yang terdapat di PTDI 2 dan sebagainya. Melalui aktiviti ini, para pelajar dapat mengenali dengan lebih mendalam mengenai koleksi serta perkhidmatan yang disediakan di PTDI 2. Bukan itu sahaja, mereka juga dapat mengaplikasikan penggunaan OPAC semasa melakukan aktiviti tersebut. Dengan cara ini, para pelajar akan lebih memahami dan mendalami cara penggunaan dan fungsi OPAC yang sekaligus dapat memudahkan urusan mereka bagi pencarian bahan bercetak.

Melalui aktiviti info hunt ini, ianya akan dapat menarik minat pelajar baru untuk terus berkunjung ke PTDI sepanjang sesi pengajian.

SIHAT@PTDI – TABATA HIIT : 3-20 FEBRUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Tun Dr. Ismail, Kampus Pasir Gudang

Disediakan oleh : Nor Azelea Mohd Azahar



SESI	PROGRAM
1	Basic abs training
2	Basic leg training for beginner
3	Various type of squats
4	Various type of planks
5	Tabata workout / HIIT
6	Buddy workout / group training
7	Circuit training (agility)
8	Rumusan & penerangan mengenai kaedah senaman Tabata yang telah dijalankan sepanjang program

Program Sihat@PTDI – Tabata HIIT adalah hasil kerjasama antara Unit Kesihatan dan PTDI dan merupakan program berkaitan senaman khusus untuk staf wanita. Program ini dijalankan sepanjang bulan Februari dan sebanyak 8 sesi/pertemuan dapat dilakukan antara instruktur bersama peserta. Senaman yang dipelajari adalah berbeza setiap sesi. Fokus utama program ini adalah senaman yang boleh dilaksanakan di rumah oleh staf wanita untuk kekal aktif supaya sihat dan cerdas. Para peserta turut diberi penerangan tentang pentingnya mengamalkan senaman dalam kehidupan seharian.

BENGGEL MYPORTFOLIO : 23 - 24 FEBRUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Tun Dr. Ismail, Kampus Segamat

Disediakan oleh : Siti Rozana Mat Sanat



Perpustakaan Tun Dr Ismail, UITM Kampus Segamat telah mengadakan Bengkel MyPortfolio pada 23 hingga 24 Februari 2020. Bengkel tersebut melibatkan staf dari PTDI Kampus Segamat dan PTDI Kampus Pasir Gudang, antara objektif bengkel ini diadakan adalah memberi pendedahan mengenai MyPortfolio kepada staf PTDI dan memberi bimbingan khusus dalam membangunkan MyPortfolio staf PTDI. Pihak PTDI telah menjemput Timbalan Pendaftar Kanan, En. Mior Hishamuddin bin Ariffin, Pegawai Eksekutif Kanan Pn. Norrita binti M.Rashid dan Pn. Fitrihana Mabin, Kerani bahagian Pentadbiran. Ketiga-tiga penceramah ini telah memberi bimbingan dan penerangan kepada semua staf PTDI bagi penyediaan MyPortfolio.

BICARA MINGGUAN : SAYANGI JOHOR : FEBRUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Tun Dr. Ismail, Kampus Segamat



Penceramah	Tajuk
En. Roslan bin Mohd Nor	Sejarah Negeri Johor
Pn. Siti Rozana binti Mat Sanat	Makanan Tradisional Negeri Johor
En. Sujarmo bin Abd Karim	Tempat Menarik Johor
En. Wan Abd Rahim bin Wan Omar	Kebudayaan & Kesenian Negeri Johor
En. Abd Halim bin Yusof	Tempat Menarik di Segamat

Bicara Mingguan merupakan salah satu Inisiatif Rektor UITM Cawangan Johor, Prof. Madya Dr. Ahmad Naqiyuddin Bakar. Program ini dilaksanakan setiap hari Khamis pada pukul 2.30 hingga 3.30 petang dengan matlamat agar semua warga yang terdiri daripada kumpulan pengurusan professional dan staf sokongan dapat berkongsi ilmu serta maklumat berdasarkan tema yang diberi. Perkongsian ini sedikit sebanyak dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi, dan menambah ilmu pengetahuan berkaitan sejarah dan keunikan Negeri Johor. Melalui program ini juga, secara langsung ianya menerapkan budaya membaca dikalangan warga kampus.

PROGRAM PENGANTARABANGSAAN PERKONGSIAN PENGETAHUAN DAN KHIDMAT MASYARAKAT : 31 JANUARI - 4 FEBRUARI 2020

Lokasi : Desa Kandri, Semarang, Indonesia

Disediakan oleh : Hazlin Ibrahim Khan



Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UITM Cawangan Melaka, Unit Kebudayaan dan Kesenian UITM Cawangan Melaka, Kampus Jasin dan Unit Kepimpinan Pelajar UITM Cawangan Melaka, Kampus Jasin telah melaksanakan Program Pengantarabangsa Perkongsian Pengetahuan dan Khidmat Masyarakat di Desa Kandri, Semarang, Indonesia pada 31 Januari 2020- 4 Februari 2020. Seramai 23 orang delagasi yang terlibat dalam program pengantarabangsa ini terdiri daripada 16. Pensyarah, 2 Pustakawan, dan 5 orang Pelajar.

PTAR telah bertanggungjawab menjalankan program storytelling serta mewujudkan Library Corner di Perpustakaan sekolah SD Negeri Kandri 01 Kota Semarang dengan penglibatan dari 30 orang pelajar sekolah, para pelajar dan pensyarah Universiti Negeri Semarang (UNNES). Program di akhiri dengan sesi penyampaian sumbangan berbentuk bahan rujukan, alat bantuan mengajar dan beberapa bahan hiasan Library Corner kepada wakil guru besar sekolah.

Seterusnya pada hari berikutnya, program di teruskan dengan penyampaian sumbangan Al-Quran dan buku ayat 7 surah kepada penduduk Desa Kandri, Semarang dan perkongsian pengetahuan Penjenamaan PTAR melalui pembentangan oleh Pn.Roslah Laman, Pustakawan Kanan di ruang gazebo UNNES. Turut serta dalam program Pengantarabangsa ini adalah Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pustakawan Kanan, Perpustakaan Tun Abdul Razak UITM Cawangan Melaka.

PROGRAM READ@UNI : PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT 'SANTUNAN KASIH, SETULUS HARAPAN' MENUBUHKAN "LITTLE FREE LIBRARY" DI SEKOLAH KEBANGSAAN CHEGAR PERAH, KUALA LIPIS, PAHANG : 20 FEBRUARI 2020

Lokasi : Sekolah Kebangsaan Chegar Perah, Kuala Lipis, Pahang

Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman



Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya telah bekerjasama bersama 25 orang staf UITM Cawangan Melaka bagi menjayakan Program Santunan Kasih, Setulus Harapan yang merupakan satu usaha khidmat masyarakat bagi menubuhkan sebuah "Little Free Library" di Sekolah Kebangsaan Chegar Perah, Kuala Lipis, Pahang dirasmikan oleh Penolong Rektor UITM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya Melaka Dr. Fahmi Abd Rahim bersama Guru Besar Sekolah Kebangsaan Chegar Perah, En Afizal Pahmin. Turut hadir Ketua Kampung Chegar Perah, En Ahmad Awang Derani. Seramai 39 murid dari tahun 3 ke tahun 6 disantuni dalam meningkatkan motivasi mereka agar beriltizam meneruskan pelajaran ke menara gading.

TAKLIMAT PERPUSTAKAAN MINGGU DESTINI SISWA (MDS) & MINGGU PEMANTAPAN SISWA (MPS) SESI MAC 2020 – JULAI 2020 : 25 FEBRUARI 2020

Lokasi : Auditorium, UITM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya



Perpustakaan Tun Abdul Razak UITM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya telah memberi taklimat perpustakaan sempena Minggu Destini Siswa (MDS) dan Minggu Pemantapan Siswa (MPS) di UITM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya. Seramai 311 orang pelajar MDS dan MPS yang telah menghadiri taklimat tersebut. Taklimat selama 1 jam ini telah disampaikan oleh Pustakawan, Puan Siti Haidah Binti Md Aziz.

MINGGU INTERIM FEBRUARI 2020 : 3 FEBRUARI 2020

Lokasi : PTAR UITM Cawangan Melaka, Kampus Jasin

Disediakan oleh : Maznah Maarof



Seramai 39 orang pelajar yang terlibat dengan Minggu Interim di PTAR uITM Cawangan Melaka, Kampus Jasin. Taklimat yang di beri melibatkan 4 Modul Literacy Skills serta hands on di sampaikan oleh Puan Maznah Maarof, Pustakawan Kanan. Di samping itu, program Library Tour juga di jalankan dengan di bantu oleh staf Perpustakaan.

TAKLIMAT PERPUSTAKAAN KEPADA PELAJAR INTERIM SESI 2020 : 3 - 12 FEBRUARI 2020

Lokasi : Makmal Komputer PTAR kampus Kuala Pilah

Disediakan oleh : Safizan Sapian



Sekitar taklimat PTAR bagi Modul Information Literacy Skills yang telah diadakan pada 03 - 12 Februari 2020 kepada pelajar interim sesi 2020 yang telah diadakan di Makmal Komputer PTAR kampus Kuala Pilah yang telah disampaikan oleh En Mohd Hafiz Kasirun, Pustakawan Kanan dan En Muhd Rusedzwan, Pembantu Pustakawan.

TAKLIMAT PERPUSTAKAAN MODUL INTERIM SESI JANUARI 2020 : 3 - 12 FEBRUARI 2020

Lokasi : Dewan Kuliah 200, UITM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Disediakan oleh : Mohd Paizal Usman



Pada 3- 12 Februari 2020 telah diadakan taklimat perpustakaan dan hands-on perkhidmatan atas talian perpustakaan bagi pelajar Diploma Interim Sesi Jan 2020 di Dewan Kuliah 200, UITM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau. Modul-modul Information Literacy Skills telah disampaikan oleh Pustakawan Kanan, Puan Nur Rabita Rouzan di Dewan Kuliah 200. Pada sesi kedua, Pustakawan Kanan dibantu staf Perpustakaan telah mengambil peluang membawa pelajar ke PTAR untuk mencari bahan di rak dan seterusnya membuat pinjaman bahan. Secara tidak langsung, inisiatif ini dapat meningkatkan jumlah pinjaman bahan dan menggalakkan pelajar menggunakan bahan yang di perpustakaan. Seramai 143 orang pelajar telah terlibat yang terdiri daripada pelajar Fakulti Pengurusan Perniagaan, Fakulti Pengurusan Maklumat serta Fakulti Komunikasi & Pengajian Media.

READ@UNI : "BOOK REVIEW" PROGRAM : 17 FEBRUARI 2020

Lokasi : UITM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Disediakan oleh : Mohd Paizal Usman



Sempena menyokong kepada program Read@Uni, PTAR Rembau telah mengadakan sesi "Book Review", pada 17 Februari 2020 dan telah disampaikan oleh empat orang pelajar dengan sukarela. Puan Nur Rabita Rouzan telah menyampaikan cenderhati penghargaan kepada pelajar-pelajar yang menyertai ulasan buku tersebut.

BENKEL ADOBE ILLUSTRATOR (BEGINNER GUIDE) : 27 FEBRUARI 2020

Lokasi : UITM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau



Pada 27 Februari 2020 telah diadakan Bengkel Adobe Illustrator (Beginner Guide). Bengkel anjuran PTAR UiTM Cawangan Negeri Smbilan Kampus Rembau ini merupakan julung kali diadakan iaitu di dalam usaha untuk meningkatkan dan membantu staf perpustakaan UiTM Cawangan Negeri Sembilan mendapatkan jam latihan kategori ICT. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Pembantu Pustakawan, Encil Mohd Paizal Bin Usman. Beliau merupakan staf perpustakaan yang mahir dan berpengalaman di dalam bidang grafik.

PROGRAM PEMANTAPAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN : PROGRAM LIBRARY OUTREACH : 24 FEBRUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Cawangan Perak Kampus Tapah

Disediakan oleh : Nur Aida Rousli



Program Pemantapan Perkhidmatan Perpustakaan: Program Library Outreach diadakan adalah untuk mempromosikan perkhidmatan terkini dan kemudahan perpustakaan kepada warga Universiti. Ianya juga bertujuan memantapkan perkhidmatan Perpustakaan Kampus cawangan melalui analisa yang dibuat melalui pemerhatian/perbincangan dan tunjuk ajar semasa berada di setiap Perpustakaan Kampus Cawangan.

Program Pemantapan Perkhidmatan Perpustakaan: Program Library Outreach adalah merupakan anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak dan telah dilaksanakan di Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Cawangan Perak Kampus Tapah pada 24 Februari 2020. Program tersebut telah disertai seramai 19 orang peserta yang terdiri daripada Dr. Mohamed Imran Mohamed Ariff selaku Penolong Rektor, Pengurusan Akademik dan staf Perpustakaan UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah.

Program Pemantapan Perkhidmatan Perpustakaan: Program Library Outreach ini disampaikan oleh Encik Jamalludin Sulaiman, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan dari Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan dan Haji Ahmad Faizar Jaafar, Pustakawan Kanan dari Unit Web dan Pembelajaran Digital.

Di antara pengisian program tersebut adalah Pengenalan kepada Perkhidmatan Perpustakaan, Statistik-statistik utama Perkhidmatan Perpustakaan, Perkhidmatan sokongan penyelidikan, Repositori Universiti, Pengurusan Rekod Universiti, Read@Uni UiTM dan Aplikasi Perpustakaan Digital PTAR yang berkaitan dengan perkhidmatan.

Turut dipamerkan adalah Koleksi Bahan Terkini PTAR UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah untuk makluman peserta dan sebagai langkah promosi bahan baharu. Koleksi bahan baharu tersebut dipamerkan berdekatan lokasi taklimat Program Pemantapan Perkhidmatan Perpustakaan: Program Library Outreach dijalankan.

PROGRAM PERKONGSIAN MAKLUMAT DAN LAWATAN PENANDARASAN : 19 - 21 FEBRUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan UITM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam,
Perpustakaan Raja Tun Uda Selangor, Perpustakaan UNISEL,
Perpustakaan UNITEN

Disediakan oleh : Nur Aida Rousli



Program Perkongsian Maklumat dan Lawatan Penendarasan ini merupakan satu program seiring dengan hasrat Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk memastikan Universiti ini menjadi sebuah Universiti bertaraf dunia dan sentiasa peka dengan perkembangan semasa untuk berdaya saing. Objektif program ini adalah sebagai alternatif terhadap pendekatan serta penyeragaman dan penumpuan kepada semua staf bagi peningkatan kualiti kerja, kualiti diri, kerjasama dan prosedur yang mantap untuk Perpustakaan UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah bagi menyesuaikan diri dalam merialisasikan Visi, Misi dan Objektif UiTM; Menjalin hubungan harmoni dua hala antara Perpustakaan; Mempelajari dan mengetahui sistem perpustakaan yang dipraktikkan di Perpustakaan terlibat serta sistem sokongan yang lain; Meningkatkan proses penambahbaikan dan memantapkan lagi proses kerja, pengurusan, perkhidmatan, kemudahan dan pembangunan infrastruktur di Perpustakaan UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah melalui perkongsian maklumat dan idea; Bertukar pendapat dan cadangan berkaitan aspek pengurusan perpustakaan dan Mengenalpasti amalan – amalan terbaik yang dilaksanakan di Perpustakaan terlibat.

Kesemua staf Perpustakaan UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah seramai tujuh (7) orang terlibat dalam menjayakan program tersebut yang berlangsung selama tiga (3) hari di Negeri Selangor. Barisan staf lawatan diketuai oleh Puan Nur Aida Rousli, Pustakawan Kanan UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah. Hari pertama lawatan ke Perpustakaan UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam, hari kedua lawatan ke Perpustakaan Raja Tun Uda, Selangor dan Perpustakaan UNISEL seterusnya pada hari ketiga lawatan ke Perpustakaan UNITEN.

PROGRAM CSR PTAR UITM BERTAM – MENGECAT DAN MELUKIS MURAL : 15 FEBRUARI 2020

Lokasi : Tabika Perpaduan Taman Bertam Perdana Zon 4

Disediakan oleh : Nurhayati Hassan



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UITM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam telah dijemput oleh pihak Tabika Perpaduan Taman Bertam Perdana untuk melukis mural dinding Tabika. Projek ini melibatkan staf PTAR UITM kampus Bertam dan 5 pelajar latihan industri Fakulti Pengurusan Maklumat UITM Merbok dan UITM Puncak Perdana.

Pada 15 Februari 2020 telah diadakan gotong-royong mengecat yang turut dimeriahkan dengan kehadiran Penolong Rektor UITM Kampus Bertam, Dr. Siti Nur Fadzilah Muhsain dan Penolong Pegawai Perpaduan Daerah Seberang Perai Utara, Puan Norfazilahwati Ahmad serta para guru dan ibu bapa. Pada hari itu diadakan juga sesi gotong-royong mengecat tayar, mewarna lukisan mural serta aktiviti mewarna dan menyanyi bersama anak-anak Tabika.

SESI INTERIM PELAJAR BARU PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK, PERMATANG PAUH, UITM PULAU PENANG : 6 - 13 FEBRUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Tun Abdul Razak Permatang Pauh, UITM Cawangan Pulau Pinang

Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam



Kehadiran seramai 168 orang pelajar interim sesi 2020 disambut oleh PTAR Kampus Permatang Pauh dengan "Literacy Skill Class" Module 100 dan 101 yang dilaksanakan untuk memberikan penerangan tentang perpustakaan, sistem perpustakaan, electronic resource, Online Database dan Reference Management Software (End Note dan Mandeley). Para pelajar telah dibahagikan kepada 6 kelas yang dijalankan di 6 buah makmal komputer termasuk Pusat IT di PTAR Kampus Permatang Pauh. Setiap kelas disampaikan oleh fasilitator yang terdiri daripada staf Unit Penyelidikan Pembelajaran dan Rujukan serta dibantu oleh staf PTAR yang lain. Pelajar baru juga dibawa ke perpustakaan untuk melihat sendiri suasana di PTAR dan membuat pinjaman buku.

PROGRAM MY FAVOURITE READ : 13 FEBRUARI 2020

Lokasi : Makmal-makmal komputer di UITM Cawangan Permatang Pauh



Pengisian slot kelas literasi pelajar-pelajar interim seterusnya diisi dengan sesi My Favourite Read. Dalam sesi ini, para pelajar telah membuat perkongsian ulasan buku yang telah dipinjam dari perpustakaan ketika kelas literasi minggu lalu. Sesi ini diadakan untuk menggalakkan pelajar-pelajar membuat pinjaman buku di perpustakaan dan seterusnya berkongsi cerita dan maklumat tentang buku yang dibaca. Berpadanan dengan Dekad Membaca Kebangsaan yang baru dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, perkongsian ini diharap dapat dijadikan amalan membaca yang baik di kalangan para pelajar.

PROGRAM BLIND DATE WITH A BOOK WEEK
: 24 FEBRUARI 2020 - 6 MAC 2020
Lokasi : Aras Bawah PTAR Kampus Permatang Pauh

Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam



Bermula 24 Februari 2020 sehingga 6 Mac 2020, PTAR Kampus Permatang Pauh mengadakan Blind Date With A Book Week untuk meraikan pelajar-pelajar baru dan lama yang telah memulakan sesi pembelajaran di UITM Cawangan Pulau Pinang.

Program ini diadakan untuk menggalakkan pelajar-pelajar membuat pinjaman buku dan membaca buku-buku di perpustakaan sementara sesi pembelajaran belum lagi bermula. Di samping itu, program ini juga menggalakkan pelajar-pelajar membaca buku-buku berbeza genre daripada kebiasaan mereka kerana buku-buku yang dipilih untuk program ini dibalut supaya pelajar tidak tahu apa-apa berkenaan buku tersebut. Dengan cara ini, pelajar menggunakan rasa ingin tahu di dalam diri mereka untuk memulakan pembacaan tersebut.

Program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan merupakan program kali kedua dijalankan setelah kejayaan besar program yang sama pada tahun 2019. Semoga program ini terus mendapat sambutan yang lebih hebat di masa akan datang.

LATIHAN PANGKALAN DATA SCOPUS : 19 FEBRUARI 2020

Lokasi : Big Data Lab, UITM Cawangan Kedah

Disediakan oleh : Mohd Amiruddin Mohd Nasir



Perpustakaan Sultan Badlishah, telah menjalankan satu bengkel latihan pangkalan data atas talian SCOPUS yang melibatkan 56 kakitangan akademik UITM Cawangan Kedah. Bengkel ini telah dilaksanakan sebanyak 2 sesi di Big Data Lab, UITM Cawangan Kedah dan disampaikan oleh Ms. Yu Lang yang merupakan wakil dari Elsevier. Tujuan bengkel ini dilaksanakan adalah untuk memberi latihan kepada semua kakitangan akademik berkaitan penggunaan pangkalan data atas talian SCOPUS. Kaedah latihan secara 'hands-on' digunakan bagi memudahkan pemahaman oleh semua peserta bengkel.

PROGRAM PENGENALAN MICROSOFT WORD, EXCEL, POWER POINT DAN DATABASE : 13 - 14 FEBRUARI 2020

Lokasi : Bilik IT, Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan, UITM Cawangan Perlis

Disediakan oleh : Hamizah Sakri



Program Pengenalan kepada Microsoft Word, Excel, Power Point dan Database kepada staf perpustakaan telah diadakan pada 13 & 14 Februari 2020 (Rabu), bertempat di Bilik IT, Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan (PDJH), UITM Cawangan Perlis. Ia merupakan aktiviti yang dijalankan oleh Pustakawan Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan. Program ini disertai oleh 21 orang staf perpustakaan.

Objektif utama program ini dilaksanakan adalah kerana penggunaan Microsoft Office ini sangat penting untuk dikuasai. Kebanyakan kerja-kerja harian yang dilakukan perlu menggunakan aplikasi Microsoft Office ini. Oleh itu, satu program diadakan bagi membolehkan semua staf Perpustakaan Dato Jaafar Hassan mampu untuk memahami dan menguasainya.

Selain itu, para peserta juga turut didedahkan dengan 41 Database yang terdapat di perpustakaan.

PROGRAM BICARA IMAN : TAZKIRAH ' KELEBIHAN BISMILLAH ' : 4 FEBRUARI 2020

Lokasi : Ruang Bicara Ilmu, Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan, UITM Cawangan Perlis

Disediakan oleh : Hamizah Sakri



Program Bicara Iman : Tazkirah bertajuk "Kelebihan Bismillah" telah diadakan pada 4 Februari 2020 (Selasa), bertempat di Ruang Bicara Ilmu, Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan, UITM Cawangan Perlis. Ia merupakan aktiviti bulanan secara terbuka yang dijalankan oleh Jawatankuasa Tazkirah perpustakaan. Program ini bertujuan untuk menyediakan platform kepada warga universiti bagi mendapatkan ilmu pengetahuan mengenai agama serta dapat mengeratkan hubungan silaturrahim. Program tazkirah pada tahun 2020 ini dimulai dengan al-fadhil ustaz Zakaria bin Abdullah, salah seorang pensyarah dari ACIS. Program ini disertai oleh 38 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai bahagian.

PROGRAM BICARA IMAN : TAZKIRAH ' KONFLIK SUAMI ISTERI ' : 12 FEBRUARI 2020

Lokasi : Ruang Bicara Ilmu, Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan, UITM Cawangan Perlis



Program tazkirah ini disampaikan oleh al-fadhil ustaz Mohamad Fauzi bin Hussain, salah seorang pensyarah dari ACIS. Program ini disertai oleh 73 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai bahagian. Para peserta juga disajikan dengan tayangan filem "Ketika Cinta Bertasbih" yang memaparkan setiap konflik yang telah dinyatakan oleh ustaz dan ustaz turut menerangkan bagaimana kaedah dan pendekatan yang diambil oleh jalan cerita tersebut untuk mengatasi konflik yang dihadapi.

PROGRAM SPEED READING WORKSHOP 1.0 : 5 FEBRUARI 2020

Lokasi : Bilik Seminar, Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan, UITM Cawangan Perlis

Disediakan oleh : Hamizah Sakri



Program Speed Reading telah diadakan pada 5 Februari 2020 (Rabu), bertempat di Bilik Seminar, Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan (PDJH), UITM Cawangan Perlis. Ia merupakan aktiviti yang dijalankan oleh Pustakawan Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan. Program Speed Reading ini bertujuan untuk menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran modul speed reading, membina pasukan pakar di kalangan kakitangan perpustakaan dalam bidang pembacaan dan pengurusan program galakan membaca, dan menggalakkan pembacaan di kalangan peserta serta membina kompetensi pembacaan. Program ini disertai oleh 20 orang peserta yang terdiri daripada staf Perpustakaan PDJH.

PROGRAM BICARA IMAN : TADABBUR SURAH AL- ASR DAN SURAH AL - TAKATHUR : 19 FEBRUARI 2020

Lokasi : Ruang Bicara Ilmu, Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan, UITM Cawangan Perlis



Program Bicara Iman : Tadabbur Surah Al-Asr dan Surah Al-Takathur telah diadakan pada 19 Februari 2020 (Rabu), bertempat di Ruang Bicara Ilmu, Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan, UITM Cawangan Perlis. Program tadabbur ini dipimpin oleh al-fadhil ustaz Khalid bin Ismail salah seorang pensyarah dari ACIS. Program ini disertai oleh 32 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai bahagian. Antara fadhilat dan kelebihan surah al-Takathur ini ialah, Allah s.w.t akan memenuhi hajatnya termasuklah rezeki dan kenaikan pangkat. surah ini juga boleh menyembuhkan sakit kepala.

Ruang Rencana : 'KELEBIHAN BISMILLAH'

Disediakan oleh : Hamidah Sakri



Lafaz Bismillahirrahmanirrahim merupakan satu kalimat yang sangat besar kesannya pada diri manusia. Terjemahan kalimat tersebut didalam bahasa melayu adalah "Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani". Mendahulukan sesuatu itu dengan membaca 'Basmallah' (Bismillahirrahmanirrahim) setiap kali memulakan atau melakukan sesuatu urusan, pekerjaan atau perbuatan sebenarnya memberi kebaikan dan memiliki fadhilat yang sangat besar kerana ia mengutamakan Asma dan Kebesaran Allah SWT. Sekiranya kita membaca **Bismillahirrahmanirrahim** dan diikuti dengan perbuatan, maka bacaan bismillah tadi tidak lagi tergantung kerana diikuti dengan perbuatan. Memulakan setiap perbuatan dengan bacaan bismillah juga menunjukkan tanda kita beradab dengan Allah s.w.t.

Bismillah bukan sebarang lafaz. Ia sarat dengan mesej tauhid. Tanda terikatnya seorang hamba dan Khalik. Hukum membaca Bismillah adalah sunat. Bismillah mempunyai kesan dan impak yang begitu signifikan dalam hidup kita seperti, "Dengan nama Allah", menggambarkan betapa dekatnya seorang hamba dengan Penciptanya. Bismillah juga tanda pergantungan hakiki kepada Tuhannya. Hal ini kerana bismillah menjadi manifesto kita mengharapkan pertolongan hanya kepada Allah berbanding pertolongan makhluk. Selain itu, bismillah juga menjemput keberkatan kerana setiap perbuatan dimulai dengan mengingati Allah.

Antara keadaan yang digalakkan membaca Bismillah menurut hadis ialah, ketika makan, ketika bertayamum, berwuduk, masuk tandas dan juga ketika berburu.

Antara fadhilat dan kelebihan membaca Bismillah ini ialah,

- 1) Dapat dihindarkan daripada musibah dan penyakit akal
- 2) Membaca Bismillah sebanyak 21 kali ketika hendak tidur dapat membebaskan seseorang daripada kecurian, gangguan syaitan, dan dapat mengelakkan daripada sebarang bencana
- 3) Ucapkan salam dan Bismillah setiap kali hendak memasuki rumah, Insyaallah rumah tangga akan diberkati dan mendapat keharmonian
- 4) Bismillah menjadi lafaz yang mengeratkan hubungan hamba dan Khaliknya.
- 5) Bismillah menjadi pemberat mizan
- 6) Bismillah menjadi asbab beroleh keberkatan daripada Allah s.w.t

Hukum membaca Bismillah

- Wajib : Bacaan dalam solat. Hal ini kerana bismillah adalah sebahagian daripada surah al-fatihah menurut mazhab al-Syafie
- Sunat : Sebelum memulakan sebarang pekerjaan yang harus dilakukan.
- Makruh : Menyebut bismillah di tempat yang tidak dibenarkan seperti di dalam tandas
- Haram : Menyebut bismillah sebelum melakukan perbuatan yang diharamkan seperti minum arak, berzina dan sebagainya.

Setiap perbuatan dan perkataan yang diiringi dengan ungkapan Bismillah akan lebih mendapat berkat selain beroleh pahala. Sesuatu pekerjaan akan menjadi tidak sempurna tanpa menyebut bismillah terlebih dahulu. Wallahualam....

- Rencana tersebut ditulis berdasarkan pemahaman penulis didalam program Tazkirah "Kelebihan Bismillah yang disampaikan oleh Al-Fadil Ustaz Zakaria Bin Abdullah, Pensyarah ACIS UiTM Perlis.

KURSUS KEPIMPINAN: READ@UNI & SPEED READING SEKOLAH KEBANGSAAN JENKA PUSAT 2 : 6 FEBRUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Al-Bukhari, UITM Cawangan Pahang Kampus Jengka

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali



Program ini menyasarkan Pengawas Pusat Sumber Sekolah, pengawas sekolah, pengawas buku teks serta ketua dan penolong ketua kelas turut menyertai kursus ini. Antara objektif utama program ini adalah untuk melatih para bakal pemimpin ini supaya lebih mencintai ilmu dan menimba ilmu dengan membaca lebih lagi apabila bergelar seorang pemimpin pelajar. Modul yang direka khas buat kursus kepimpinan ilmu ini menjurus kepada kemahiran membaca pantas, galakan membaca untuk pemimpin, kemahiran berkomunikasi, pengucapan awam dan pembentukan personaliti cinta ilmu. Jumlah peserta yang terlibat seramai 84 orang bersama 4 guru pengiring.

PROGRAM INFOHUNT@PAB SEKOLAH KEBANGSAAN KOTA GELANGGI 1 : 7 FEBRUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Al-Bukhari, UITM Cawangan Pahang Kampus Jengka



Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) telah mengadakan Pertandingan InfoHunt dengan kerjasama Jawatankuasa Sekolah Kluster bertempat di Perpustakaan Al-Bukhari (PAB). Aktiviti yang dijalankan adalah seperti Build Your Own Words, Picture Pairing, Puzzle, KAHOOT, Read Out Loud dan mewarna. Program ini adalah untuk memahirkan para peserta dalam berkomunikasi dan membina ayat dari perkataan yang disediakan. Tujuan program ini adalah mengajar para peserta belajar mendengar setiap arahan yang diberikan serta menjalankan tugas sebagai pemimpin dalam menjalankan tugas yang diberikan. Peserta terdiri daripada pelajar Sekolah Kebangsaan Kota Gelanggi 1, Jerantut dari tahun 4 hingga tahun 6 iaitu seramai 43 orang.

LEADERS ARE READERS@PAB SEKOLAH KEBANGSAAN KOTA GELANGGI 1 : 7 FEBRUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Al-Bukhari, UITM Cawangan Pahang Kampus Jengka

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali



Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) dengan kerjasama Jawatankuasa Sekolah Kluster telah terlibat dalam menjayakan Program Leaders Are Readers Sekolah Kebangsaan Kota Gelanggi 1 bertempat di Perpustakaan Al-Bukhari (PAB). Program ini melibatkan pelajar yang menyandang jawatan di sekolah iaitu Pengawas, Pengawas Pusat Sumber Sekolah, Ketua dan Penolong Ketua Kelas. Program ini memberi input kepada para peserta dengan modul yang menekankan nilai-nilai budaya membaca, yakin diri, kepimpinan dan teamwork dikalangan para peserta. Selain itu, antara intipati kem ini juga adalah mendidik peserta menjadi individu yang lebih bertanggungjawab, berilmu dan beradab. Semua peserta terdiri daripada pelajar Sekolah Kebangsaan Kota Gelanggi 1, Jerantut dari tahun 4 hingga tahun 6 iaitu seramai 43 orang.

PERKONGSIAN ILMU BERSAMA PENGAWAS PUSAT SUMBER SEKOLAH, SEKOLAH KEBANGSAAN (LKTP) JENKA 18 : 14 FEBRUARI 2020

Lokasi : Pusat Sumber Sekolah Kebangsaan (LKTP) Jengka 18



Program ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan dalam pengurusan PSS serta memupuk minat membaca kepada mereka. Selain itu, ianya juga dapat mempertingkatkan lagi kebolehan mereka dalam menguruskan PSS supaya menjadi pengawas PSS yang berkebolehan dan berilmu. Sebagai seorang pengawas PSS, mereka perlu berilmu, berpengetahuan, kreatif, berfikiran positif dan berdisiplin. Ini perlu ada bagi menjadikan PSS sebagai satu tempat yang menarik dan sentiasa menjadi tumpuan pada pelajar untuk datang. Seramai 16 orang pengawas PSS yang terlibat dan 2 orang guru pengiring.

RAMAH MESRA DAN SUAI KENAL MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI (PAB) UITM CAWANGAN PAHANG : 17 FEBRUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Al-Bukhari, UITM Cawangan Pahang Kampus Jengka

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali



Perjumpaan antara Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bersama pengurusan tertinggi Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) telah diadakan yang bertempat di bilik mesyuarat Perpustakaan Al-Bukhari (PAB). Perjumpaan ini bertujuan untuk bersuai kenal dan beramah mesra bersama Ahli Majlis Perwakilan Pelajar yang baru dilantik. Selain itu, objektif perjumpaan ini juga adalah untuk menjalankan usahasama dalam menjalankan aktiviti dan menyampaikan maklumat kepada seluruh pelajar UiTM Cawangan Pahang kerana MPP ini sangat rapat dengan pelajar itu sendiri serta bekerjasama dengan persatuan dan pertubuhan yang disertai oleh pelajar itu sendiri. Seramai 9 orang MPP yang hadir dan merupakan pelajar dari UiTM Cawangan Jengka dan Raub dan 3 orang pegawai PAB.

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN USAHASAMA SEKOLAH KEBANGSAAN LIPAT KAJANG, TEMERLOH DENGAN PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI (PAB) UITM CAWANGAN PAHANG : 18 FEBRUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Al-Bukhari, UITM Cawangan Pahang Kampus Jengka



Majlis menandatangani perjanjian usahasama antara Sekolah Kebangsaan Lipat Kajang, Temerloh dengan Perpustakaan Al-Bukhari UiTM (PAB), Cawangan Pahang, Kampus Jengka yang bertempat di Perpustakaan Al-Bukhari (PAB). SK Lipat Kajang telah diwakili oleh guru besar sekolah sendiri iaitu Cikgu Mohd Asri bin Muzakir manakala Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) diwakili oleh Puan Nurfarawahidah, Pustakawan Kanan PAB. Intipati usahasama ini merujuk kepada jalinan kerjasama program dan aktiviti yang melibatkan sekolah dan pihak PAB itu sendiri. SK Lipat kajang menghantar 6 orang pelajar bagi menyertai kursus kepimpinan pengawas bersama SK Jengka 18 pada hari menandatangani usahasama itu.

KURSUS KEPIMPINAN PENGAWAS SK JENKA 18 DAN SK LIPAT KAJANG, TEMERLOH : 18 FEBRUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Al-Bukhari, UITM Cawangan Pahang Kampus Jengka

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali



Program yang dijalankan memanfaatkan sepenuhnya ruang perpustakaan dengan aktiviti dalam kumpulan yang telah diaturkan oleh urusetia. Objektif utama program lebih menjurus kepada pembinaan jati diri peserta sebagai seorang yang bertanggungjawab dalam memimpin, menekankan konsep ilmu dan adab sebagai pemimpin yang perlu dipupuk untuk menjadi seorang pemimpin pada masa hadapan. Intipati program yang dijalankan termasuklah latihan dalam kumpulan serta aktiviti Read@Uni yang mana menekankan kepentingan pembacaan dalam membentuk pemimpin yang berkualiti dan berpengetahuan. Peserta yang terlibat adalah seramai 50 orang pengawas dan 6 orang guru pengiring.

BENKEL PERMURNIAN MY PARTFOLIO PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI UITM CAWANGAN PAHANG, KAMPUS JENKA : 26 FEBRUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Al-Bukhari, UITM Cawangan Pahang Kampus Jengka



Perpustakaan Al-Bukhari telah menjalankan Bengkel Permurnian MyPortfolio khusus untuk staf PAB bertempat di Bilik IT 1 yang telah disampaikan oleh Puan Norfitriah binti Mat Seman, Pustakawan Kanan. Bengkel ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat berkaitan penambahbaikan Fail Meja (FM) yang digunakan sebelum ini kepada yang terbaru iaitu MyPortfolio. Setiap staf perlu mengemaskini fail meja masing-masing dengan menggunakan format baru dan selaras dengan format yang ditetapkan oleh UITM. Di dalam bengkel ini banyak perkara perlu ditambah dan dikemaskini dan berbeza dengan fail meja yang digunakan sebelum ini. MyPortfolio ini adalah yang terbaru diperkenalkan oleh UITM kepada semua staf UITM. Seramai 23 orang staf PAB menyertai bengkel ini.

KURSUS KEPIMPINAN TAHAP 1 SEKOLAH KEBANGSAAN JENKA PUSAT 2 (SKJP 2) DAN YELLOW APRON CHALLENGE "READ ME A BOOK" : 12 FEBRUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Al-Bukhari, UITM Cawangan Pahang Kampus Jenka

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali



Pada 12 Februari 2020, Perpustakaan telah mengadakan kursus kepimpinan tahap 1 yang melibatkan pelajar Tahap 1 SKJP2 iaitu Tahun 1, 2 & 3 bertempat di Perpustakaan Al-Bukhari (PAB), UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jenka. Program ini melibatkan Pegawai Pusat Sumber Sekolah, Pegawai Sekolah serta Ketua dan Penolong Ketua Kelas. Objektif utama program ini adalah untuk melatih adik-adik pemimpin ini lebih mencintai ilmu dan menimba ilmu dengan membaca lebih lagi apabila bergelar seorang pemimpin pelajar. Selain itu, program "Read Me a Book" turut berlangsung yang menggunakan mekanisme "read aloud" atau "storytelling" kepada anak-anak dan pencerita perlu memakai apron kuning. Program ini merupakan program kerjasama galakan membaca yang diterajui National Library for Children and Young Adult (NLCY), Republik Korea dan 9 buah Perpustakaan Negara Asean iaitu Filipina, Indonesia, Kemboja, Laos, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand dan Vietnam Pihak Perpustakaan Al-Bukhari (PAB), Cawangan Pahang telah bekerjasama dengan Perpustakaan Desa PNM Pekan Awah dalam menjayakan slot READ ME A BOOK, bersama yellow apron. Penyertaan kursus ini melibatkan 22 orang peserta 2 orang guru pengiring.

SESI READ@UNI BOOK REVIEW: MY FIRST LIBRARY BOOK @ UITMCT BERSAMA PELAJAR INTERIM JANUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Cawangan Terengganu

Disediakan oleh : Asmahani Abdullah



Program Read@Uni Book Review bersama pelajar Interim sesi Januari 2020 telah diadakan sebagai selingan bagi Modul Information Literacy Skills (ILS). Bertemakan My First Library Book@UITMCT, pelajar yang dipilih secara rawak adalah dikehendaki untuk mengupas buku yang dipinjam dari perpustakaan untuk dikongsikan kepada rakan-rakan dalam kelas. Aktiviti ini diadakan di setiap dua puluh tiga sesi pengajaran Modul ILS melibatkan hampir 200 orang pelajar UITMCT. Di samping memupuk semangat membaca, secara tidak langsung para pelajar yang terlibat dapat mempelajari kaedah pencarian buku menggunakan sistem perpustakaan serta membuat pinjaman bahan.

SESI LATIHAN PENYEDIAAN SEMAKAN BAHAN SILIBUS TAHUN 2020 : 2 FEBRUARI 2020

Lokasi : Makmal Komputer Ibnu Sina, UITM Cawangan Terengganu

Disediakan oleh : Mohd Shahnizam Mat Zain



Sesi Latihan Penyediaan Semakan Bahan Silibus Tahun 2020 telah diadakan pada 2 Februari 2020. Objektif sesi latihan ini adalah untuk memberi tunjuk ajar kaedah untuk membuat semakan semula bahan silibus bagi keempat-empat program iaitu Program Diploma Kejuruteraan Kimia (EH110), Diploma Kejuruteraan Mekanikal (EM110), Diploma Teknologi Industri Higien dan Keselamatan (AS121) dan Pra Diploma Sains (PD007/008) yang melibatkan 3 (tiga) orang Pembantu Pustakawan dan seorang Pembantu Pemuliharaan. Semakan silibus ini merangkumi semakan bahan silibus di dalam koleksi perpustakaan dan semakan menggunakan ACQ Tools. Ianya banyak memberi input kepada peserta sekaligus membantu mempercepatkan proses semakan bahan silibus dan melancarkan proses perolehan bahan silibus dalam mencapai sasaran penyediaan 100% bahan silibus sedia ada sehingga Disember 2019.

SESI INTERIM PELAJAR BARU PERPUSTAKAAN TENGGU ANIS, UITM CAWANGAN KELANTAN : 6 FEBRUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Tengku Anis, UITM Cawangan Kelantan, Kampus Machang

Disediakan oleh : Muslim Ismail@Ahmad



Program sesi interim bagi pelajar baru Febuari 2020 seramai 159 orang telah diadakan pada 3 dan 4 Febuari 2020 bertempat di Perpustakaan Tengku Anis, UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang. Modul LSC 100 Introduction to Library System telah diadakan pada hari Isnin 3 Febuari 2020 dan Modul LSC 101 Introduction to PTAR Electronic Resources pada hari Selasa 4 Febuari 2020 dikendalikan oleh Pustakawan Kanan, En Muslim Ismail@Ahmad. Pada sesi ini juga sesi tayangan video pendek bertemakan 'Budi Bahasa Budaya Kita' dipertunjukkan kepada para pelajar.

MEMBUDAYAKAN MEMBACA BUKU STAF PTA UITM KAMPUS MACHANG : 27 FEBRUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Tengku Anis, UITM Cawangan Kelantan

Disediakan oleh : Muslim bin Ismail@Ahmad



Pengisian aktiviti Bicara Buku telah dilaksanakan di Perpustakaan Tengku Anis pada 27.02.2020. Sebelum bacaan Yasin, lanya telah disampaikan oleh En.Che Hasnan Che Idris (Pembantu Pustakawan Kanan) dengan tajuk buku "140 tips mencari rezeki halal untuk mencapai kekayaan". Aktiviti sebegini adalah sebagai galakan dan motivasi bagi staf untuk mengambil menafaat dari buku dan ilmu yang ada di perpustakaan.

NEW ARRIVAL @ COFFEE TALK, PENYELIDIKAN JARINGAN INDUSTRI UITM CAWANGAN KELANTAN : 27 FEBRUARI 2020

Lokasi : Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri, PJI UITMCK Kampus Machang



Dalam mempromosikan koleksi buku baru yang terdapat di Perpustakaan Tengku Anis, maka pada 27.02.2020 di Penyelidikan Jaringan Industri UiTM Machang satu hebahan ringkas telah disampaikan oleh Encik Muslim Ismail @ Ahmad (Pustakawan Kanan). Hebahan sebegini adalah bertujuan untuk meningkatkan pinjaman bahan oleh pensyarah dan juga kakitangan bukan akademik.

TAKLIMAT PERPUSTAKAAN SEMPERNA MINGGU DESTINI SISWA (MDS) DIPLOMA INTERIM SEMESTER MAC - JULAI 2020 : 17 - 18 FEBRUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Cawangan Sabah

Disediakan oleh : Marlia Yuming



Pada 17-18 Februari 2020, PTAR UiTM Cawangan Sabah telah mengadakan Taklimat Perpustakaan kepada pelajar Baharu sempena Minggu Destini Siswa (MDS) Diploma Interim Semester Mac – Julai 2020. Taklimat berkenaan telah diadakan di Dewan Tun Mustapha dan di Menara Pustaka UiTM Sabah yang dihadiri seramai 268 pelajar baru. Matlamat taklimat ini adalah untuk memberi pendedahan serba sedikit tentang fungsi utama, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh PTAR UiTM Cawangan Sabah.

BPENGLIBATAN STAF PTAR SARAWAK DALAM KARNIVAL SUKAN STAF (KARISTA 2020) : 9 - 16 FEBRUARI 2020

Lokasi : UITM Cawangan Sarawak

Disediakan oleh : Hapsah Suut

KARISTA KARISTA KARISTA KARISTA KARISTA



Acara Berbasikal Heavyweight = GOLD *En. Mohd Ismail Bolia*



Acara Bola Sepak 5 Sebelah Wanita = GOLD *Cik Amirza Suryati*



Acara Bola Sepak 3 Sebelah Veteran = GOLD *En. Adenan & En. Ismawi*



Acara E-Sport Cigo = SILVER *En. Abg Mohd Farizan & En. Heewan*



Acara Berbasikal Wanita Terbuka = BRONZE *Pn. Hapsah Suut*



Acara Berbasikal Senior = BRONZE *En. Yusuf

Seramai 12 orang staf Perpustakaan telah mengambil bahagian dalam pelbagai sukan yang di pertandingan di kejohanan Karnival Sukan Staf (KARISTA) 9 hingga 16 Februari 2020. Sebanyak 20 acara sukan telah dipertandingkan pada tahun ini dan antara sukan yang disertai oleh staf PTAR Sarawak adalah bola sepak (En. Adenan, En. Ismawi, En. Mohamad Hairruddine, En. Tahir), bola jaring, petong (Pn. Nur Afeqah Abdullah), berbasikal (En. Zaini, En. Mohd Ismail, En. Yusuf, Cik Amirza Suryati dan Pn. Hapsah), larian (En. Dominic dan En. Ismawi), golf, bola tampar, badminton (Nur Afnan Ludin), dart, catur dan E-Sports (En. Abg Mohd Farizan dan En. Mohd Haswan). Penganjuran KARISTA pada tahun ini adalah kali pertama di Kepulauan Borneo.

LITERACY SKILLS CLASS MODULE @ PTAR SARAWAK : 3 FEBRUARI 2020

Lokasi : Ruai Pengawa, UITM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan

Disediakan oleh : Hapsah Suut



Bertempat di Ruai Pengawa, UITM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan, Program Information Literacy Class telah diadakan dengan kehadiran seramai 216 orang pelajar interim sesi 2020. Kelas ini telah dikendalikan oleh Abg Mohd Farizan Abg Yakup Pustakawan Kanan.

INFORMATION LITERACY SKILLS CLASS @PTAR SARAWAK KAMPUS SAMARAHAN 2 : 6 FEBRUARI 2020

Lokasi : Auditorium, UITM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan



Information Literacy Class telah disampaikan oleh Cik Dayang Azimah Abang Yusof, Pustakawan, PTAR Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2 pada 6 Februari 2020, bertempat di Bertempat di Auditorium, UITM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan serit dibantu oleh Encik Dominic Inggu dan Puan Zuraida Abdul Karim, Pembantu Pustakawan. Taklimat ini adalah untuk memberi pendedahan serba sedikit kepada pelajar tentang fungsi utama, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh PTAR UITM Cawangan Sarawak.

LITERACY SKILLS CLASS INTERIM @ PTAR KAMPUS MUKAH : 12 FEBRUARI 2020

Lokasi : Makmal Komputer PTAR Mukah

Disediakan oleh : Hapsah Suut



Pelaksanaan Minggu Interim pada 12 Februari 2020, PTAR Kampus Mukah di Makmal Komputer PTAR Mukah dilihat memberi kesan positif kepada pelajar terutama membabitkan aspek peralihan proses pembelajaran di bangku sekolah ke dunia pengajian di universiti.

Pelbagai modul yang disediakan pihak universiti membantu pelajar untuk membiasakan diri dengan suasana kehidupan di kampus serta mengenal pasti kecenderungan minat pelajar dalam aspek keusahawanan dan kerjaya.

UITM mengambil inisiatif menganjurkan Minggu Interim untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar termasuklah mengenai sistem yang terdapat di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan memberi pengenalan awal mengenai subjek Bahasa Inggeris serta Pendidikan Islam.




Perpustakaan
Tun Abdul Razak

PLEASE VISIT OUR NEW UiTM LIBRARY WEBSITE

WE ARE PLEASED TO ANNOUNCE THE LAUNCH OF THE NEWLY
REDESIGNED LIBRARY WEBSITE

<https://library.uitm.edu.my>

Scan QR Here



BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan

Lawatan

Pameran



LAWATAN KE ISTANA ALAM SHAH, KLANG

Tarikh : 6 Februari 2020

Tempat : Istana Alam Shah, Klang

Seramai 10 pegawai dari Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah mengikuti rombongan lawatan khas ke Istana Alam Shah, Klang anjuran Pejabat Kursi Institusi Raja-Raja Melayu (KIRRM). Rombongan lawatan telah di bawa ke Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz yang mempamerkan pelbagai koleksi Diraja Selangor. Lokasi seterusnya ialah Masjid Istana Diraja yang dibina di atas tapak Balai Musolla dan Balai Nobat, Istana Alam Shah, Klang. Lawatan seterusnya ialah ke Istana Alam Shah, Klang. Ketibaan rombongan ke Istana Alam Shah disambut dengan penuh mesra oleh Ketua Penyelia Istana, Datuk Pengelola Abdul Kadir Safuan Serta Orang Besar Istana yang memimpin rombongan di sepanjang waktu lawatan kami. Turut dibawa, melawat ke Galeri Bola Sepak dan Galeri Automobil Diraja.



DISKUSI PEMBANGUNAN LOCAL CONTENT FAKULTI SENI LUKIS SENI REKA

Tarikh : 28 Februari 2020

Tempat : Auditorium Fakulti Seni Lukis Seni Reka, UiTM Shah Alam

Satu Diskusi Pembangunan Local Content Fakulti Seni Lukis Seni Reka telah di laksanakan di Auditorium Fakulti Seni Lukis Seni Reka, UiTM Shah Alam



LAWATAN DARI SEL PUSAT REKOD DAN ARKIB, TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA(TUDM) KE JABATAN ARKIB UNIVERSITI, PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Tarikh : 27 Februari 2020

Tempat : Jabatan Arkib Universiti, Perpustakaan Tun Abdul Razak

Jabatan Arkib Universiti, Perpustakaan Tun Abdul Razak telah menerima kunjungan lawatan dari Sel Pusat Rekod dan Arkib, Tentera Udara Diraja Malaysia yang diketuai oleh Mejar Halrul Nizam bin Hussain dan 10 orang staf pada 27 Februari 2020. Puan Azniza Mohamad Nor, Pegawai Arkib dibantu oleh Encik Abdul Razak bin Abdul Rahman dan Cik Wan Nur Khalidah Wahed telah memberi taklimat mengenai fungsi dan perkhidmatan di jabatan serta membawa mereka melawat gedung dan kemudahan yang disediakan.

BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan

Lawatan

Pameran



TAKLIMAT INFORMATION LITERACY SKILLS PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA

Tarikh : 13 - 14 Februari 2020

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka

Taklimat Information Literacy Skills PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah bagi kemasukan Mac - Julai 2020 telah dijalankan pada 13-14 Februari 2020. Seramai 1,248 pelajar bagi 4 modul telah terlibat dalam taklimat kali ini. Taklimat disampaikan oleh beberapa orang pegawai dan pembantu Pustakawan yang dibahagikan kepada beberapa kumpulan.



PROGRAM READ@UNI: PAMERAN NOVEL CORONAVIRUS

Tarikh : 3-29 Februari 2020

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka

Pameran ini diadakan bagi mengambil langkah proaktif dengan mengadakan pameran kesihatan berkaitan pencegahan penyakit Novel Coronavirus di UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya. Pameran ini adalah bertujuan untuk memberikan pendidikan kesihatan dan meningkatkan kesedaran semua pelajar dan kakitangan UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya mengenai jangkitan penyakit Novel Coronavirus dan langkah-langkah pencegahan Novel Coronavirus turut dipamerkan.

BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UITM

Aktiviti Perpustakaan
Lawatan
Pameran



PAMERAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DIGITAL

Tarikh : 10 Februari 2020

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Cawangan Melaka

Bersempena kemasukan pelajar Interim bagi sesi Mac - Julai 2020, PTAR UITM Cawangan Melaka telah menjalankan Pameran Perkhidmatan Perpustakaan Digital. Tujuan pameran ini dijalankan adalah bagi mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan digital inisiatif dari PTAR, UITM Shah Alam.



PAMERAN VIRUS COVID-2019

Tarikh : 24 Februari 2020

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Cawangan Melaka

Penganjuran Pameran Virus COVID-19 telah dijalankan di PTAR, UITM Cawangan Melaka bermula 24 Februari 2020 susulan dari situasi tidak menentu ekoran penularan coronavirus. Warga UITM boleh membuat rujukan dan dan mendapatkan maklumat berkaitan COVID-19 yang sedang melanda dunia pada masa kini di ruang legar perpustakaan.

BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan

Lawatan

Pameran



LAWATAN DARI AKADEMI PERCUKAIAN MALAYSIA, LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI, BANDAR BARU BANGI

Tarikh : 13 Februari 2020

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka

Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya telah menerima kunjungan pelawat seramai 7 orang dari Akademi Percukaian Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Bandar Baru Bangi. Mereka berkesempatan untuk melihat keadaan sekitar perpustakaan dan kemudahan yang ada di dalam perpustakaan termasuk kemudahan digital yang disediakan.



LAWATAN DARI "EXCHANGE STUDENTS" UNIVERSITAS NEGERI SEMARANG, INDONESIA

Tarikh : 28 Februari 2020

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka

Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya telah menerima kunjungan pelawat seramai 12 orang dari Universitas Negeri Semarang, Indonesia sempena program pertukaran pelajar ke UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya. Pelajar tersebut akan berada di Kampus Bandaraya Melaka selama tempoh 6 bulan. Cik Ilya Nur Fateen Othman, telah menerangkan segala perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya.

BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan

Lawatan

Pameran



LAWATAN DARI GURU SEKOLAH KEBANGSAAN TELOK MAS, MELAKA

Tarikh : 27 Februari 2020

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka

Seramai 60 orang guru-guru dari Sekolah Kebangsaan Telok Mas, Melaka datang membuat lawatan ke PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin. Rombongan lawatan telah di iringi oleh Penolong Rektor Kampus Jasin sendiri, iaitu Prof. Madya Dr Mohd Rasdi Zaini serta staf Perpustakaan.

BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan

Lawatan

Pameran



LAWATAN PEGAWAI PPD DAN GURU BESAR SEKITAR MARAN KE PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI (PAB) UiTM CAWANGAN PAHANG

Tarikh : 20 Februari 2020

Tempat : Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka

Sesi penerangan mengenai PAB disampaikan oleh Puan Nurfarawahidah binti Badruesham, Pustakawan Kanan. Penerangan adalah berkaitan fungsi PAB sebagai Perpustakaan Akademik yang sangat penting kepada pelajar, staf dan pengguna luar. Seramai 15 orang yang mewakili PPD maran dan guru dalam lawatan ini.



LAWATAN DARI PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU (PIBG) SEKOLAH KEBANGSAAN JENGAKA 11 KE PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI

Tarikh : 25 Februari 2020

Tempat : Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka

Sesi penerangan mengenai PAB disampaikan oleh Encik Ahmad Fadhil bin Mohamad Yusof, Pembantu Pustakawan. peserta lawatan ini dapat melihat dan mengenali PAB dengan lebih dekat dan fungsi PAB kepada pelajar, staf dan pengguna luar. Seramai 30 orang peserta yang mewakili Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dalam lawatan ini.

BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan

Lawatan

Pameran



INFORMATION LITERACY SKILLS (ILS) SESI JANUARI 2020

Tarikh : 4 - 17 Februari 2020

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Terengganu

Sebanyak 23 sesi kelas bagi Modul Information Literacy Skills (ILS) telah dilaksanakan oleh Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun bagi 199 orang pelajar Interim sesi Januari 2020. Modul ILS yang telah dikemaskini mengikut kesesuaian semasa disampaikan oleh tenaga pengajar terlatih diketuai oleh En. Shahrol Nizam Johol, Timbalan Ketua Pustakawan bagi memberi panduan dan bimbingan kepada para pelajar sebagai persediaan menghadapi pengajian di UiTM Cawangan Terengganu kelak.



LIBRARY TOUR WITH STUDENTS FROM GUNMA UNIVERSITY, JAPAN

Tarikh : 24 Februari 2020

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Terengganu

Seramal 9 orang pelajar dari Gunma University, Jepun, telah hadir ke Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun untuk diberikan penerangan berkenaan kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan bagi membantu mereka di sepanjang tempoh lawatan mereka ke UiTM Cawangan Terengganu ini. Taklimat disampaikan oleh En. Shahrol Nizam bin Johol, Timbalan Ketua Pustakawan, dan disusuli dengan lawatan di sekitar perpustakaan.

BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan

Lawatan

Pameran



TAKLIMAT PERPUSTAKAAN SEMPENA MINGGU DESTINI SISWA (MDS) DIPLOMA INTERIM SEMESTER MAC – JULAI 2020

Tarikh : 17 - 18 Februari 2020

Tempat : Dewan Tun Mustapha dan di Menara Pustaka UiTM Sabah

PTAR UiTM Cawangan Sabah telah mengadakan Taklimat Perpustakaan kepada pelajar Baharu sempena Minggu Destini Siswa (MDS) Diploma Interim Semester Mac – Julai 2020. Taklimat berkenaan dihadiri seramai 268 pelajar baru. Matlamat taklimat ini adalah untuk memberi pendedahan serba sedikit tentang fungsi utama, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh PTAR UiTM Cawangan Sabah.



PROGRAM LAWATAN PENANDAARAS DAN PERKONGSIAN ILMU INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAKWAH SABAH (IPDAS)

Tarikh : 25 Februari 2020

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Sabah

Seramai 6 pegawai dari Institut Pengajian Islam Dakwah Sabah (IPDAS) telah mengadakan Lawatan Penandaarasan ke Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Sabah pada 25 Februari 2020 (Selasa). Tujuan lawatan tersebut diadakan adalah untuk melihat pembangunan dan penggunaan sistem dari segi pengurusan perpustakaan yang digunakan di Perpustakaan PTAR UiTM Cawangan Sabah. En Romi Rampun, Timbalan Ketua Pustakawan telah memberi penerangan sepanjang lawatan penandaarasan tersebut.

BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan

Lawatan

Pameran



LAWATAN DARIPADA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUN ABANG HAJI OPENG, KUCHING, SARAWAK

Tarikh : 19 Februari 2020

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Kampus Samarahan

Tujuan lawatan tersebut adalah untuk memberi pendedahan awal & persediaan kepada pelajar untuk menjejak kaki ke menara gading kelak. Seramai 2 orang guru pengiring dan 45 orang pelajar telah hadir dalam sesi lawatan ini. Taklimat telah diberikan oleh En. Dominic Inggus selaku Pembantu Pustakawan Bahagian Perkhidmatan Maklumat. Pelawat juga turut dibawa melawat sekitar Perpustakaan untuk melihat perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan kepada pengguna.



LAWATAN DELEGASI DARI PERSATUAN PUSTAKAWAN BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh : 14 Februari 2020

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Kampus Samarahan 2

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan 2 telah menerima lawatan Delegasi dari Persatuan Pustakawan Brunei Darussalam yang diketuai oleh Presiden Persatuan Perpustakaan Brunei Darussalam, Puan Nellie binti Dato Paduka Haji Sunny, seramai 15 orang yang mengikuti sesi lawatan pada 14 Februari 2020. Delegasi telah diberi taklimat ringkas dan dibawa melawat sekitar bangunan Perpustakaan.

BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan

Lawatan

Pameran



LAWATAN DARI UNIVERSITAS ISLAM RIAU

Tarikh : 27 Februari 2020

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Kampus Samarahan 2

Pada 27 Februari 2020 Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan 2 telah menerima 9 orang Rombongan Universitas Islam Riau. Dalam lawatan berkenaan sesi taklimat dan perkongsian maklumat mengenai Perpustakaan telah dikongsikan.



KUNJUNGAN BAHAGIAN TRANSFORMASI UNIVERSITI, UiTM SHAH ALAM

Tarikh : 27 Februari 2020

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Kampus Samarahan 2

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan 2 telah menerima kunjungan dari Pegawai Bahagian Transformasi Universiti (BTU), UiTM Shah Alam ke Galeri Islam Nusantara PTAR Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan 2, Pada 27 Februari 2020.